



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH (*WORK FROM HOME*)

1. Susulan daripada sidang media YB Datuk Seri Ismail Sabri, Menteri Kanan Pertahanan pada 20 Oktober 2020, dan juga kenyataan media oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada 21 Oktober 2020, pekerja di kawasan yang diisyiharkan terlibat dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah diarahkan untuk bekerja dari rumah (*work from home*) dengan syarat tertentu.

2. Berhubung arahan bekerja dari rumah, KSM menegaskan bahawa bayaran gaji adalah seperti biasa dan majikan tidak boleh memaksa atau mengarahkan pekerja menggunakan Cuti Tahunan ataupun mengambil Cuti Tanpa Gaji. Perkara ini selaras dengan perintah dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu.

3. Namun begitu, majikan boleh berbincang dengan pekerja dalam apa jua tindakan serta keputusan yang diambil demi kepentingan bersama. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia(JTKSM) melalui talian **03-8886 2352 / 03-8886 2409 / 03-8888 9111**.

**Datuk Seri M. Saravanan
Menteri Sumber Manusia
Putrajaya**

22 Oktober 2020